

Modul Perkembangan Pembelajaran (MPP3)
PERNIAGAAN
Kertas 1
3766/1
Okt/Nov 2020

1 jam 15 minit

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

1. Aktiviti perniagaan dibahagikan kepada aktiviti berasaskan barang dan perkhidmatan. Antara yang berikut, yang manakah merupakan aktiviti berasaskan perkhidmatan?
 - A Pembuatan
 - B Pengilangan
 - C Pembinaan
 - D Pengangkutan

2. Gambar 1 di bawah berkaitan dengan sejenis pemilikan perniagaan.



Gambar 1

Apakah kelebihan jenis pemilikan perniagaan tersebut?

- A Liabiliti terhad
 - B Hayat perniagaan berterusan
 - C Proses penubuhan rumit
 - D Bebas menguruskan perniagaan

3. Antara yang berikut, pernyataan manakah **benar** tentang ciri-ciri perniagaan francais?
 - I Francaisi perlu membayar fi kepada francaisor
 - II Francaisor menyediakan latihan pengurusan kedai
 - III Francaisor dan francaisi menjalankan perniagaan secara bersama
 - IV Francaisor kehilangan hak pemilikan perniagaan
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

4. Antara yang berikut, kriteria yang manakah menentukan saiz perniagaan?
 - I Jumlah keuntungan tahunan
 - II Jumlah jualan tahunan
 - III Bilangan pekerja tetap
 - IV Jumlah modal dilaburkan
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

5. Perniagaan manakah merupakan perniagaan berskala global?
 - A Kedai Perabot Mega
 - B Syarikat Penerbangan *Air Asia*
 - C Pasar Raya Nirwana
 - D Kilang Kek Merry

6. Gambar 2 di bawah berkaitan dengan sebuah agensi kerajaan.



Gambar 2

Pernyataan yang manakah merupakan peranan agensi kerajaan di atas?

- A Menyediakan sumber kewangan kepada usahawan
 B Mempromosikan aktiviti perniagaan di Malaysia
 C Membuat penyelidikan dan pembangunan produk
 D Menjamin kedudukan kewangan pencarum pada usia tua
7. Antara yang berikut, yang manakah merupakan peranan kerajaan pusat dalam aspek perkembangan aktiviti perniagaan?
- A Pelepasan cukai
 B Promosi perniagaan
 C Latihan dan pembangunan
 D Penggubalan undang-undang
8. Antara yang berikut, yang manakah merupakan peranan kerajaan untuk menangani inflasi?
- I Melalui dasar kerajaan
 II Meningkatkan permintaan barang
 III Meningkatkan pengimportan barang
 IV Meningkatkan kadar faedah
- A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV
9. Gaya pengurusan yang manakah menunjukkan tindakan majikan yang tegas bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan?
- A Gaya pengurusan sederhana
 B Gaya pengurusan sokongan
 C Gaya pengurusan autokratik
 D Gaya pengurusan *laissez-faire*

10. Maklumat berikut berkaitan dengan SWOT.

Faktor dalaman yang membawa kesan negatif kepada Perniagaan Enak Rasa Sdn. Bhd. ialah dari segi pengurusan pekerja.

Apakah ciri SWOT tersebut?


- A Peluang
 B Ancaman
 C Kekuatan
 D Kelemahan
11. Pernyataan yang manakah **benar** tentang objektif perniagaan?
- A Matlamat yang ingin dicapai oleh organisasi
 B Dicapai dalam jangka masa setahun
 C Tujuan asas pembentukan sesebuah organisasi
 D Terdiri daripada objektif jabatan dan fungsian
12. Antara yang berikut, yang manakah merupakan organisasi bermotifkan untung?



I



II



III



IV

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

13. Maklumat di bawah berkaitan dengan objektif sebuah restoran masakan kampung.

Restoran D' Kampung ingin meningkatkan jualan sebanyak 30% dalam masa setahun

Apakah ciri SMART yang terdapat dalam objektif Restoran D'Kampung?

- A Realistik
 B Boleh dicapai
 C Munasabah
 D Boleh diukur

14. Maklumat di bawah berkaitan dengan Syarikat Maju Sdn. Bhd. yang mengeluarkan sabun pencuci pakaian.


Harga sebotol	RM 20
Kuantiti dijual	1000 unit
Kos tetap	RM3 000
Kos berubah	RM1 000

Hitungkan jumlah hasil Syarikat Maju Sdn. Bhd.?

- A RM16 000
 B RM17 000
 C RM19 000
 D RM20 000
15. Syarikat Kayu Jati Sdn.Bhd. terpaksa menilai semula objektif syarikat ketika penularan wabak *covid - 19*.

Apakah faktor luaran yang boleh mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan?

- A Kewangan
 B Pemasaran
 C Demografi
 D Undang-undang
16. Maklumat di bawah berkaitan dengan peranan bahagian fungsian **X** dalam Syarikat Ceria Sdn. Bhd.



Apakah bahagian fungsian **x**?

- A Pentadbiran
 B Pengeluaran
 C Pengurusan sumber manusia
 D Pemasaran

17. Pernyataan yang manakah tepat tentang tujuan bahagian fungsian sumber manusia?
- A Menyelesaikan masalah pelanggan
 - B Memastikan bahan mentah mencukupi
 - C Memastikan organisasi mempunyai pekerja yang mencukupi
 - D Menyediakan pakar untuk memberikan maklumat mengikut kehendak pelanggan
18. Gambar 3 di bawah menunjukkan satu bahagian fungsian dalam sebuah organisasi perniagaan.



Gambar 3

Apakah bahagian fungsian tersebut?


- A Jualan
 - B Pemasaran
 - C Khidmat Pelanggan
 - D Teknologi maklumat dan komunikasi
19. Antara yang berikut, organisasi luar yang manakah mempunyai hubungan dan interaksi dengan sesebuah organisasi?
- I Pembekal
 - II Kerajaan
 - III Peguam
 - IV Perunding insurans
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
20. Mengapakah penggunaan e-mel sangat penting kepada sesebuah organisasi?
- A Meningkatkan komunikasi di kalangan pekerja
 - B Maklumat yang disampaikan lebih tepat
 - C Mengurangkan gangguan dalam penyampaian maklumat
 - D Maklumat perniagaan boleh dihantar dengan mudah dan cepat

21. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kemahiran keboleherjaan sumber manusia?

- I Kelayakan yang bersesuaian
- II Kecekapan menjalankan tugas
- III Tempat pengajian
- IV Berpengetahuan tentang produk dan perkhidmatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22. Rajah 1 menunjukkan sejenis struktur organisasi.



Rajah 1

Apakah jenis struktur organisasi di atas?

- A Struktur organisasi berdasarkan produk
- B Struktur organisasi berdasarkan fungsi
- C Struktur organisasi berdasarkan pelanggan
- D Struktur organisasi berdasarkan wilayah

23. Maklumat berikut menunjukkan faktor penentu sistem penggajian yang diamalkan oleh sebuah organisasi.

En.Zul telah bertugas sebagai pengurus pemasaran selama 5 tahun di Syarikat EZY Sdn. Bhd. Beliau telah dinaikkan pangkat menjadi pengurus cawangan di Kota Bharu dengan kenaikan gaji sebanyak 30%.

Apakah faktor penentu sistem penggajian yang diterima oleh En. Zul?

- A Permintaan dan penawaran buruh
- B Ganjaran yang dibayar pesaing
- C Bentuk dan jenis tugas
- D Kemampuan organisasi

24. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu sumber fizikal dalam sebuah organisasi.

- Pemprosesan pesanan
- Kawalan inventori
- Pergudangan
- Pengangkutan

Apakah sumber fizikal tersebut?

- A Produk siap
- B Stok
- C Bahan mentah
- D Produk separuh siap

25. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan sebuah agensi kerajaan.

Mengurus pendaftaran paten

Apakah agensi kerajaan tersebut?

- A MARA
- B MATRADE
- C SIRIM
- D MyIPO

26. Antara yang berikut, yang manakah merupakan karya yang layak mendapat perlindungan di bawah Akta Hak Cipta 1987?

- I Karya lagu
- II Karya seni
- III Karya muzik
- IV Karya lirik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27. Jenis pembiayaan manakah yang boleh didapati daripada agensi kerajaan?

- A Sewa beli
- B Overdraf
- C Pemfaktoran
- D Geran Penyelidikan dan Pembangunan

28. Gambar 4 menunjukkan perbualan antara dua orang peniaga.



Gambar 4

Apakah jenis pembiayaan **X**?

- A Sewa beli
- B Pajakan
- C Pemfaktoran
- D Syer

29. Maklumat berikut diperolehi daripada Kunci Kira-Kira Mouna Enterprise.

Mouna Enterprise Kunci Kira-Kira Pada 31 Disember 2019		
	RM	RM
Aset Bukan Semasa:		
Bangunan		200 000
Aset Semasa:		
X	2 000	
Stok	8 000	
Akaun belum terima	2 000	
Bank	<u>28 000</u>	
	40 000	
Liabiliti Semasa:		
Akaun belum bayar	4 000	
Modal kerja		<u>36 000</u>
		<u>236 000</u>

Apakah **X**?


- A Ambilan
- B Tunai
- C Pinjaman
- D Kenderaan

30. Jenis pembiayaan manakah sesuai dipilih oleh En. Amin yang ingin membuka gerai menjual jus buah-buahan?
- A Sewa beli
 B Pinjaman
 C Simpanan peribadi
 D Ar-Rahnu
31. Maklumat berikut berkaitan dengan kos bagi pengeluaran 1000 unit produk Y.

	RM
Kos tetap	8 000
Kos bahan langsung seunit	15
Buruh langsung seunit	10

Berapakah untung yang diperoleh daripada pengeluaran produk Y sekiranya harga jualan seunit ialah RM50?

- A RM17 000
 B RM25 000
 C RM33 000
 D RM50 000
32. Gambar 5 berkaitan dengan seorang usahawan.



Gambar 5

Apakah kebolehan usahawan tersebut?

- A Kebolehan merancang
 B Kebolehan mengurus modal
 C Kebolehan mengurus sumber manusia
 D Kebolehan menentukan visi dan misi

33. Maklumat berikut berkaitan dengan jenama produk kecantikan yang dihasilkan oleh beberapa usahawan.

- SimplySiti
- Dnars
- Sendayu Tinggi

Apakah kekuatan diri yang ada pada usahawan tersebut?

- A Fokus tenaga dan tumpuan
- B Keupayaan membina jenama
- C Perhubungan baik dengan pasangan
- D Kemahiran pembangunan karakter diri

34. Antara yang berikut, yang manakah merupakan keberuntungan perniagaan?


- I Meluaskan pasaran
- II Meningkatkan jualan
- III Menikmati keuntungan
- IV Memantapkan imej perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35. Antara yang berikut, yang manakah merupakan akta penubuhan perniagaan?

- A Akta Kontrak 1950
- B Akta Sewa Beli 1967
- C Akta Perihal Dagangan 1972
- D Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

36. Rajah 2 berkaitan dengan dua entiti perniagaan.



Rajah 2

	A	B
A	Perkongsian	Koperasi
B	Milikan tunggal	Syarikat sdn. bhd
C	Milikan tunggal	Syarikat berhad
D	Syarikat sdn. bhd	Syarikat awam berhad

37. Perniagaan Keropok Lekor Lazat mengalami masalah kekurangan tunai. Apakah tindakan yang wajar diambil oleh pengurus?
- A Menambah bilangan pekerja
 - B Meningkatkan promosi
 - C Mengurangkan kos operasi
 - D Membeli lebih banyak bahan mentah
38. Mengapakah rancangan perniagaan perlu disediakan oleh usahawan sebelum memulakan perniagaan?
- A Menilai operasi perniagaan yang akan dijalankan
 - B Memberi gambaran tentang kedudukan kewangan
 - C Memberi gambaran tentang perniagaan yang dirancang
 - D Menjangka risiko yang akan berlaku
39. Antara yang berikut, yang manakah merupakan maklumat yang perlu dimuatkan dalam ringkasan eksekutif?
- I Nama perniagaan
 - II Modal permulaan
 - III Jenis perniagaan
 - IV Sasaran untung
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
40. Pernyataan manakah yang merupakan maklumat dalam rancangan operasi?
- A Susun atur ruang bangunan dan kilang
 - B Carta alir proses
 - C Senarai alatan pejabat
 - D Pembahagian tugas semua pekerja

KERTAS SOALAN TAMAT